



**PEKELILING
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT
BIL. 12 TAHUN 2012**

**MEMPAMERKAN NOMBOR ADUAN TALIAN BEBAS TOL BAHARU
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT DI BADAN
KENDERAAN PENGANGKUTAN AWAM DARAT
BAGI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Semua Pengendali Pengangkutan Awam Darat (seperti tafsiran Akta Pengangkutan Awam Darat 2010)

MEMPAMERKAN NOMBOR ADUAN TALIAN BEBAS TOL BAHARU SPAD DI BADAN KENDERAAN PENGANGKUTAN AWAM DARAT BAGI SEMENANJUNG MALAYSIA

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada para pengendali pengangkutan awam darat mengenai nombor aduan bebas tol baharu yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan arahan mempamerkan nombor tersebut di badan kenderaan perkhidmatan awam, kenderaan pelancongan dan kenderaan barangan masing-masing.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

2. SPAD telah memutuskan bahawa setiap pengendali pengangkutan awam darat mesti mempamerkan nombor aduan SPAD yang baharu di badan kenderaan masing-masing mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

GARIS PANDUAN MEMPAMERKAN NOMBOR ADUAN SPAD

3. Garis panduan mempamerkan nombor baharu dan ianya adalah seperti berikut:

- 3.1 Nombor aduan SPAD ini hendaklah ditampal dengan menggunakan pelekat yang berwarna atau hitam dan putih.
- 3.2 Bagi semua bas yang dilesenkan oleh SPAD termasuk kenderaan pelancongan, nombor aduan SPAD hendaklah diletakkan di dalam kenderaan di bahagian tempat meletak bagasi disebelah kanan atau kiri atau di belakang ruang pemandu yang mudah dilihat oleh penumpang. Selain itu nombor aduan SPAD juga perlu diletakkan di bahagian luar belakang sebelah kanan badan bas. Saiz, bentuk, dan kedudukan pelekat adalah seperti di **Lampiran A**.
- 3.3 Bagi semua kenderaan barangan yang dilesenkan oleh SPAD, nombor aduan SPAD hendaklah di tampal di bahagian luar belakang sebelah kanan badan kenderaan. Saiz, bentuk, dan kedudukan pelekat adalah seperti di **Lampiran B**.

kanan badan kenderaan. Saiz, bentuk, dan kedudukan adalah seperti di Lampiran B.

- 3.4 Bagi semua kelas teksi, kereta sewa termasuk kereta sewa dan pandu pelancong yang dilesenkan oleh SPAD, pelekat aduan SPAD hendaklah ditampal di bawah cermin kenderaan sebelah kiri dan kanan tempat duduk penumpang di bahagian belakang dan di bahagian hadapan di 'dashboard' kenderaan. Selain itu pelekat aduan SPAD juga perlu ditampal di bahagian luar belakang sebelah kanan badan kenderaan. Saiz, bentuk dan kedudukan pelekat adalah seperti di Lampiran C.
- 3.5 Bagi keretapi, pelekat aduan SPAD hendaklah ditampal di kawasan sebelah pintu kiri atau kanan koc ataupun di tempat yang telah disediakan oleh pihak pengendali keretapi. Saiz, bentuk dan kedudukan pelekat adalah seperti di Lampiran D.

TEMPOH KUATKUASA

4. Tempoh kuatkuasa penampalan pelekat saluran aduan SPAD ini adalah sehingga 31 Mei 2013. Selepas tarikh tersebut, semua kenderaan perdagangan yang dilesenkan oleh SPAD diwajibkan menampal pelekat saluran aduan SPAD seperti spesifikasi yang telah dinyatakan dalam perkara (3) di atas.

TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMBATALAN

6. Pekeliling LPKP Bil. 12 Tahun 2009 bertarikh 2 Disember 2009, Mempamerkan Nombor Aduan Talian Bebas Tol dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS) LPKP di Badan Kenderaan Perdagangan adalah dibatalkan bagi kenderaan perdagangan di Semenanjung Malaysia manakala Sabah dan Sarawak masih tertakluk di bawah Pekeliling tersebut.




MOHD NUR ISMAL MOHAMED KAMAL
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)

07 NOVEMBER 2012

LAMPIRAN A (BAS)

1. Ditampal di bahagian dalam bas



Butiran:

1. Jenis tulisan : Arial Black
2. Saiz tulisan : 52
2. Warna latar belakang : Putih
3. Warna tulisan : Hitam

Contoh kedudukan nombor aduan (bertanda bintang) :



2. Ditampal di bahagian belakang bas sebelah kanan



Butiran:

1. Jenis tulisan : Arial Black
2. Saiz tulisan : 96
2. Warna latar belakang : Putih
3. Warna tulisan : Hitam

Contoh kedudukan nombor aduan (bertanda bintang) :



LAMPIRAN B (LORI)

1. Ditampal di bahagian belakang lori sebelah kanan



Butiran:

1. Jenis tulisan : Arial Black
2. Saiz tulisan : 96
2. Warna latar belakang : Putih
3. Warna tulisan : Hitam

Contoh kedudukan nombor aduan (bertanda bintang) :




Atau



LAMPIRAN C (TEKSI & VAN)

1. Ditampal di bahagian dalam teksi



Butiran:

1. Jenis tulisan : Arial Black
2. Saiz tulisan : 20
2. Warna latar belakang : Putih
3. Warna tulisan : Hitam

Contoh kedudukan nombor aduan (bertanda bintang) :




Dan



*Ditampal di kedua-dua pintu belakang teksi

2. Ditampal di bahagian belakang teksi / van sebelah kanan



Butiran:

1. Jenis tulisan : Arial Black
2. Saiz tulisan : 52
2. Warna latar belakang : Putih
3. Warna tulisan : Hitam

Contoh kedudukan nombor aduan (bertanda bintang) :




Atau



LAMPIRAN D (KERETAPI)

1. Ditampal di bahagian dalam keretapi



Butiran:

1. Jenis tulisan : Arial Black
2. Saiz tulisan : 52
2. Warna latar belakang : Putih
3. Warna tulisan : Hitam

Contoh kedudukan nombor aduan (bertanda bintang) :



Atau



*2 pelekat aduan hendaklah ditampal pada setiap koc penumpang

Warna Korporat SPAD

Cetakan pelekot adun SPAD yang berwarna diwajibkan memenuhi kriteria-kriteria warna logo korporat SPAD seperti berikut :



Pantone 2767 C (solid uncoated)
Pantone 2767 U (solid uncoated)
CMYK = C:100 M:78 Y:0 K:54
RGB = R:0 G:36 B:93



Pantone 1797 C (solid uncoated)
Pantone 1797 U (solid uncoated)
CMYK = C:0 M:100 Y:99 K:4
RGB = R:227 G:27 B:35



Pantone Hexachrome Yellow C
(solid uncoated)
Pantone Hexachrome Yellow U
(solid uncoated)
CMYK = C:0 M:1 Y:98 K:0
RGB = R:255 G:238 B:0

Salinan Kepada:

Ketua Pengarah
Jabatan Pengangkutan Jalan
Aras 1-5, Blok D-4, Kompleks D
62502 PUTRAJAYA

Ketua Polis Trafik
Cawangan Trafik
Polis Di Raja Malaysia
Bukit Aman
50560 KUALA LUMPUR

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM
Wisma DRB HICOM
No. 2, Jalan Usahawan U1/8
Seksyen U1
40150 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN

Edaran Dalaman:

Ketua Pegawai Eksekutif
Ketua Pegawai Operasi
Ketua Pegawai Pembangunan
Ketua Bahagian Kenderaan Barangan
Ketua Bahagian Pengangkutan Awam Darat
Ketua Bahagian Penguatkuasaan
Ketua Bahagian Polisi
Ketua Operasi Negeri